

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**PENGHANTARAN JEMAAH HAJI BAGI TAHUN 1441/2020 DAN
SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT**

Rabu, 18 Syawal 1441H bersamaan 10 Jun 2020M -

Mukadimah: Dalam kesempatan hari ini ada dua perkara ingin disampaikan.

Pertama: Mengenai penghantaran Jemaah Haji kita tahun ini:

1. Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sokongan Majlis Ugama Islam Brunei yang bersidang pada hari Sabtu, 6hb Jun 2020 bersamaan 14hb Syawal 1441 untuk menangguhkan penghantaran Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam tahun 1441H/2020M ini. Yakni tidak ada penghantaran jemaah haji dari negara kita yang terdiri bakal jemaah haji seramai seribu orang yang telah terpilih untuk menunaikan ibadat haji tahun ini dan orang-orang yang berurusan sendiri sama ada belayar dari dalam negeri atau luar negeri, atas sebab-sebab berikut:

- (1) Berdasarkan Hukum Syara' sebagaimana yang difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dalam Siri Fatwa (no. 14/2020) bertajuk ***Penghantaran Jemaah Haji Bagi Tahun 1441/2020 Dalam Situasi Pandemik Wabak COVID-19***, yang rumusannya adalah:
- i. Penularan wabak **COVID-19** masih menjadi ancaman kepada seluruh dunia dan penyebaran virus ini belum akan terhenti sepenuhnya dalam waktu yang terdekat. Kerajaan Arab Saudi juga berusaha untuk mengekang atau memutus rantai penularan wabak COVID-19 daripada terus menjangkiti dan mendatangkan mudarat kepada penduduknya. Antaranya, dengan melaksanakan perintah berkurung, penggantungan ibadat umrah dan penutupan masjid-masjid di Tanah Haram seperti Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.
 - ii. Oleh yang demikian adalah menepati kehendak Syara' untuk menanggunghkan penghantaran Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1441H/2020M ini, berdasarkan berat sangkaan keadaan tidak selamat akibat dari penularan pandemik COVID-19 yang masih berleluasa sehingga kini, yang tidak dapat diketahui atau dijangka bilakah ia akan berakhir.
 - iii. Jika pihak berkuasa atau kerajaan berpendapat pemergian jemaah haji pada musim haji tahun 1441H/2020M ini dianggap tidak selamat dan tertegah maka tegahan tersebut wajiblah dipatuhi demi maslahat jemaah haji iaitu keselamatan mereka dari ancaman wabak COVID-19 yang sedang melanda dunia itu.

- (2) Berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan yang telah membentangkan senario dan situasi global pandemik wabak COVID-19 dalam persidangan Majlis itu bahawa masih ada kekhuatiran berhubung keadaan jangkitan pandemik itu. Oleh yang demikian Kementerian Kesihatan menyatakan bahawa selaras juga dengan Hukum Syara' yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan melalui Siri Fatwa (14/2020) itu maka pihaknya adalah menyokong untuk negara kita menanggunghkan penghantaran jemaah haji tahun ini.
 - (3) Di samping itu dari pihak yang berkenaan dengan pengurusan ehwal ibadat haji pula menyatakan bahawa sehingga sekarang semua urusan berhubung dengan penghantaran seramai seribu orang jemaah haji kita masih belum dapat dibuat kerana prosesnya dibekukan. Iaitu berkenaan dengan visa haji, slot penerbangan, pengangkutan dan hotel tempat tinggal di Madinah, Mekah dan urusan di *Masya'ir* ('Arafah dan Mina) bahkan urusan penjagaan kesihatan oleh petugas kesihatan dan perubatan dari Kementerian Kesihatan kita yang akan menyertai jemaah semasa di tanah suci. Semuanya belum dapat dibuat dan diproses. Oleh yang demikian Jabatan Urusan Haji Kementerian Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa masa adalah sangat suntuk untuk melakukan atau memproses semua itu sekiranya pun ibadat haji dibukakan kepada jemaah dari luar negeri seperti biasa.
2. Sehubungan dengan ketetapan ini maka segala urusan dan komitmen antara jemaah haji dengan syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji adalah akan diselesaikan antara mereka termasuklah bayaran-bayaran yang telah diterima daripada bakal jemaah oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Kedua ialah sekitar ehwal sembahyang fardhu Jumaat -

1. Alhamdulillah, pada hari Jumaat 12hb Jun lusa kita in syaa Allah sampai ke penghujung tahap pertama yang bermula dari 29hb Mei yang lalu dalam tempoh empat belas hari meliputi tiga kali Jumaat. Syukurlah. Setakat dua Jumaat yang lalu masjid, surau dan balai-balai ibadat dibuka semula untuk menunaikan fardhu Jumaat, kita telah menempuhnya secara berwaspada dengan menuruti panduan kesihatan dalam mengekang jangkitan wabak COVID-19 sekarang. Dan kita akan terus berwaspada. Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin menyatakan lagi penghargaan kepada semua yang berkenaan dalam pelaksanaannya. Penghargaan juga kepada jemaah yang telah hadir bersembahyang secara tertib menepati seperti yang diatitkan.
2. Dimaklumi ada yang datang tetapi tidak dapat masuk ke setengah-setengah masjid, surau dan balai-balai ibadat kerana sebab-sebab tertentu. Pihak pengurusan hal ehwal masjid bersama pihak-pihak berkenaan telah mengenal pasti beberapa isu semasa pendaftaran masuk jemaah ke dalam masjid. Dalam perkara ini Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat menghargai inisiatif Kementerian Kesihatan yang meneliti semula ke dalam sistem kerana ada kemungkinan ada masalah sistem seperti *double booking*, *ghost booking*, *methods of calculation* dan sebagainya. Semantara itu pihak yang berkenaan kawalan dan pihak masjid yang bertugas telah diminta menggunakan budi bicara yang berpatutan untuk membantu jemaah yang memang layak tetapi kerana sebab-sebab teknikal pada peringkat mengimbas Kod QR dipintu memasuki halaman masjid mereka telah tidak diberi laluan. Demikian juga disebabkan kesuntukan waktu pada saat-saat terakhir pintu pagar masjid mula ditutup sewaktu *Iqamah* dilaungkan untuk memulakan sembahyang fardhu Jumaat.

3. Sukacita dikongsikan juga maklumat mengenai jumlah kehadiran Jemaah sembahyang fardhu Jumaat pada 5hb Jun yang lalu. Menurut data yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan ada seramai 35,556 orang telah hadir. Angka ini menunjukkan keramaian orang yang menunaikan fardhu Jumaat dalam situasi COVID-19 adalah semakin meningkat daripada Jumaat 29hb Mei yang lalu. Walaupun didapati daripada data itu ada seramai 43903 orang yang telah menempah.
4. Akhirnya sama-samalah kita berdoa dan sambil terus berusaha disamping membanyakkan istighfar memohon ampun dan bertaubat kepada Allah, berbuat kebajikan antaranya dengan memperbanyakkan sedekah. Kerana seperti yang dimaklumi wabak COVID-19 masih terus melanda dan belum diketahui dengan pasti bila berakhirnya yang mana telah pun menjejaskan kita di negara ini termasuklah ketetapan yang kita ambil menangguhkan penghantaran jemaah haji tahun ini. Ia suatu yang berat, namun kita mengambilnya demi keselamatan dan kesejahteraan bukan sahaja Jemaah yang akan menunaikan haji bahkan juga mesyarakat kita seluruhnya dalam situasi COVID-19 yang mana jangkitannya dikhuatiri akan menular kepada lebih ramai orang. Namun dalam waktu yang sama kita juga insaf inilah diantara cubaan Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menguji mutu keimanan kita dan ketahanan kita bermasyarakat, berbangsa dan bernegara, di mana sejauh ini kita telah membuktikan tanda pegangan keugamaaan kita yang menjadi pemangkin keutuhan kita sebagai sebuah komuniti dan bangsa di negara yang diberkati Allah dengan aman sejahtera ini, iaitu dengan adanya perpaduan serta persefahaman kita senegara dalam menghadapi cabaran dan cubaan yang melanda. Syukurlah. Dan dalam hubungan ini kita hendaknya akan sentiasa mengambil ingatan kepada firman Allah Subhanahu wa Ta'ala ayat 11 dan 12, surah At-Taghabun;

" مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ، وَمَنْ يُؤْمِنِ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ ، وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (11) وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ، فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ (12) "

Mafhumnya : Tiada suatu bencana pun yang menimpa melainkan dengan izin Allah, dan sesiapa yang beriman kepada Allah nescaya Dia akan mengurniakan petunjuk kepada hatinya (untuk menerima apa yang berlaku dengan tenang dan sabar). Dan Allah Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu (11). Dan taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah. Maka jika kamu berpaling (daripada mentaati Rasul Kami), sesungguhnya kewajiban Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah Allah) dengan nyata (12).

Dan khabar baik kepada kita orang-orang yang beriman melalui sebuah hadits riwayat Imam Muslim daripada Abi Yahya Shuhaib bin Sinaan radhiyallahu anhu "Sesungguhnya menakjubkan urusan seorang mukmin. Semua urusannya adalah baik baginya. Hal ini tidak didapatkan kecuali pada diri seorang mukmin. Apabila mendapatkan kesenangan, dia bersyukur, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya. Sebaliknya apabila tertimpa kesusahan, dia pun bersabar, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya".

- T A M A T -

Rujukan: KHEU/BPA/PR/Jun/2020

Tarikh: 18 Syawal 1441H bersamaan 10 Jun 2020M